



Bil. S 1



PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PEMASYHURAN DAN NOTIS DI BAWAH PERKARA 52(2)



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Bismillahir Rahmannir Rahim, Alhamdulillah Rabbil 'Alamin, Wassalatu Wassalamu 'Ala Saiyidina Muhammadin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in.

DENGAN KURNIA ALLAH, BETA, SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH KERABAT MAHKOTA BRUNEI, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH KERABAT LAILA UTAMA YANG AMAT DIHORMATI, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH KERABAT SERI UTAMA YANG AMAT DIHORMATI, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH SERI UGAMA ISLAM NEGARA BRUNEI YANG AMAT BERSINAR, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH PADUKA LAILA JASA KEBERANIAN GEMILANG YANG AMAT CEMERLANG, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH PADUKA KEBERANIAN LAILA TERBILANG YANG AMAT GEMILANG, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH PAHLAWAN NEGARA BRUNEI YANG AMAT PERKASA, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH SETIA NEGARA BRUNEI YANG AMAT BAHAGIA, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH PADUKA SERI LAILA JASA YANG AMAT BERJASA, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH MAHKOTA BRUNEI YANG AMAT MULIA, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH PERWIRA AGONG NEGARA BRUNEI YANG AMAT SETIA,

HONORARY KNIGHT GRAND CROSS OF THE MOST HONOURABLE ORDER OF THE BATH (UNITED KINGDOM OF GREAT BRITAIN DAN IRELAND UTARA), HONORARY KNIGHT GRAND CROSS OF THE MOST DISTINGUISHED ORDER OF SAINT MICHAEL AND SAINT GEORGE (UNITED KINGDOM OF GREAT BRITAIN DAN IRELAND UTARA), HONORARY COMMANDER OF THE MOST DISTINGUISHED ORDER OF SAINT MICHAEL AND SAINT GEORGE (UNITED KINGDOM OF GREAT BRITAIN DAN IRELAND UTARA), DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (MALAYSIA), COLLAR OF THE SUPREME ORDER OF THE CHRYSANTHEMUM (JEPUN), THE ORDER OF AL-HUSSEIN BIN ALI (JORDAN), THE CIVIL ORDER OF OMAN, FIRST CLASS (KESULTANAN OMAN), AL-KHALIFIA (BAHRAIN), QUISSAM EL MOHAMMDI GRAND COLLIER (MOROCCO), THE MOST AUSPICIOUS ORDER OF THE RAJAMITRABHORN (THAILAND), THE GREAT COLLAR OF BADR (ARAB SAUDI), KNIGHT OF THE ROYAL ORDER OF THE SERAPHIM (SWEDEN), KNIGHT GRAND CROSS OF THE NETHERLANDS (NETHERLANDS), QILADAT AL-MUBARAK AL-KABIR - COLLAR OF MUBARAK THE GREAT (KUWAIT), GRAND ORDER OF MUGUNGHWA (REPUBLIK KOREA), BINTANG REPUBLIK INDONESIA ADIPURNA (REPUBLIK INDONESIA), COLLAR OF THE NILE (REPUBLIK ARAB MESIR), THE ORDER OF LAKANDULA WITH THE RANK OF GRAND COLLAR SUPREMO (REPUBLIK FILIPINA), THE ANCIENT ORDER OF SIKATUNA RANK OF RAJAH (REPUBLIK FILIPINA), THE ORDER OF TEMASEK, FIRST CLASS (REPUBLIK SINGAPURA), NISHAN-E-PAKISTAN (REPUBLIK ISLAM PAKISTAN), GRAND CROIX LEGION D'HONNEUR (REPUBLIK PERANCIS), GRAND CROSS SPECIAL CLASS OF THE ORDER OF MERIT (REPUBLIK PERSEKUTUAN JERMAN), THE ORDER OF MERIT, FIRST CLASS (UKRAINE), THE ORDER OF PRINCE YAROSLAV THE WISE, FIRST CLASS (UKRAINE), PHOXAY LANE XANG (REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAOS), DARJAH KERABAT YANG UTAMA (KELANTAN), DARJAH KERABAT YANG AMAT DIHORMATI (JOHOR), DARJAH KERABAT YANG UTAMA (NEGERI SEMBILAN), DARJAH KERABAT SRI INDERA MAHKOTA PAHANG YANG AMAT DIHORMATI (PAHANG), DARJAH KERABAT SELANGOR YANG UTAMA (SELANGOR), DARJAH KERABAT BAGINDA SYED PUTRA (PERLIS), DARJAH KERABAT DI-RAJA YANG AMAT DIHORMATI (PERAK), DARJAH UTAMA KERABAT DI-RAJA TERENGGANU YANG AMAT DIHORMATI (TERENGGANU), DARJAH KERABAT YANG AMAT MULIA (KEDAH), DARJAH UTAMA BINTANG SARAWAK (SARAWAK), SERI PANGLIMA DARJAH KINABALU (SABAH), DARJAH KEPAHLAWANAN ANGKATAN TENTERA - PANGLIMA GAGAH ANGKATAN TENTERA (MALAYSIA), DARJAH UTAMA BAKTI CHEMERLANG (TENTERA) (REPUBLIK SINGAPURA), THE PHILIPPINES LEGION OF HONOUR (DEGREE OF CHIEF COMMANDER) (REPUBLIK FILIPINA), THE CROSS OF HONOUR FOR FAITH AND FAITHFULNESS TO THE STATE (UKRAINE), Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Berdaulat dan Wilayahnya serta sekalian Jajahan Takluk Rantau dan Pesisirnya.

KEPADA SEMUA ORANG YANG MENERIMA PEMASYHURAN INI.

SALAM:

BAHAWASANYA menurut Perkara 52(1) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, adalah diperuntukkan bahawa melainkan jika dititahkan selainnya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, hendaklah diadakan Musim Permesyuaratan bagi Majlis Mesyuarat Negara sekurang-kurangnya sekali dalam setahun, tetapi jarak tempoh antara persidangan yang terakhir pada satu Musim Permesyuaratan dengan tarikh yang ditetapkan bagi persidangan pada Musim Permesyuaratan yang berikutnya hendaklah tidak melebihi dari 12 bulan.

DAN BAHAWASANYA menurut Perkara 52(2) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, adalah diperuntukkan bahawa tiap-tiap Musim Permesyuaratan bagi Majlis Mesyuarat Negara hendaklah diadakan pada tempat dan hendaklah bermula dan berakhir pada masa sebagaimana yang ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dari masa ke semasa dengan notis yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA BETA pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada BETA oleh Perlembagaan Negara Brunei Darussalam dengan ini menetapkan 23 haribulan Rejab Tahun Hijrah 1443 bersamaan dengan 24 haribulan Februari 2022, sebagai tarikh bermulanya Musim Permesyuaratan bagi Majlis Mesyuarat Negara yang akan diadakan di Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara, Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada jam 9.00 pagi.

Diperbuat di Istana Nurul Iman BETA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada hari ini 4 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1443 bersamaan dengan 5 haribulan Februari, 2022, iaitu tahun kelima puluh-lima BETA di atas Takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam.